



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA  
MALAYSIA**

---

**PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 5 TAHUN 2001**

---

**PEMANJANGAN BAYARAN INSENTIF TUGAS KEWANGAN  
BERDASARKAN PEKELILING PERKHIDMATAN  
BILANGAN 3 TAHUN 1999**

**TUJUAN**

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk memaklumkan keputusan Kerajaan untuk memanjangkan Bayaran Insentif Tugas Kewangan (BITK) kepada anggota Perkhidmatan Awam selain daripada Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) [PT(P/O)] yang menjalankan tugas kewangan sepenuh masa dan Pembantu Akauntan (PA).

**LATAR BELAKANG**

2. BITK telah diperuntukkan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1999 (PP 3/99). Bayaran Insentif ini diberi sebagai insentif kepada PT(P/O) untuk meningkatkan kecekapan dan kemahiran serta melaksanakan tugas dengan lebih dedikasi dan tanggungjawab. Di samping PT(P/O) yang menjalankan tugas kewangan sepenuh

masa, pertimbangan khas juga diberi kepada PT(P/O) yang bertugas bersendirian di pejabat kecil dan menjalankan tugas kewangan di samping tugas lain.

3. Pembantu Tadbir (Kewangan) [PT(K)] yang diwujudkan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2001 juga layak dibayar BITK.

### **PEMANJANGAN BITK**

4. Setelah mengkaji semula pelaksanaan bayaran BITK, Kerajaan bersetuju supaya bayaran insentif ini dipanjangkan kepada **skim perkhidmatan lain yang setaraf dan skim perkhidmatan lain yang lebih rendah** dari PT(P/O), PA dan PT(K) yang menjalankan tugas kewangan sepenuh masa. BITK dibayar atas kadar RM40.00 sebulan bagi mereka yang tidak memiliki sijil dan RM80.00 bagi mereka yang mempunyai sijil.

### **PELAKSANAAN**

5. Pegawai Pengawal adalah diberi kuasa untuk menentukan anggota yang layak dibayar BITK di bawah bidang kuasa masing-masing. Pegawai Pengawal juga boleh menimbang dan meluluskan bayaran BITK kepada anggota yang ditempatkan berkhidmat bersendirian di pejabat kecil dan menjalankan tugas dalam bidang kewangan dan tugas-tugas lain.

6. Kelayakan dan peraturan bayaran BITK adalah seperti ditetapkan melalui PP 3/99.

7. Sekiranya terdapat sebarang keraguan dalam melaksanakan peruntukan dalam pekeliling ini, kementerian/jabatan/agensi boleh berhubung dengan Bahagian Saraan, Jabatan Perkhidmatan Awam.


## **TARIKH KUATKUASA**

8. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuatkuasa mulai 1 Julai 2001.

## **PEMAKAIAN**

9. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

## **“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



**(DATO' SERI JAMALUDDIN BIN AHMAD DAMANHURI)**

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Malaysia.

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA  
KOMPLEKS PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
PUTRAJAYA.

28 Ogos 2001

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
Semua Y. B. Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Pihak Berkuasa Berkanun  
Semua Pihak Berkuasa Tempatan